

BAHAGIAN A
(50 MARKAH)

- 1 Pengertian Nabi ialah _____.
 - A orang lelaki yang berjuang membela manusia
 - B orang lelaki yang menjadi pemimpin pada bangsa Arab
 - C orang lelaki yang diberikan mukjizat untuk menjadi pemimpin
 - D orang lelaki yang dipilih oleh Allah SWT untuk menerima wahyu daripada-Nya untuk dirinya sendiri

- 2 Pengertian Rasul ialah _____.
 - A pemimpin bangsa Arab
 - B pemimpin Musyrikin Quraisy
 - C menerima wahyu daripada Allah SWT untuk diri dan disampaikan kepada orang lain
 - D orang lelaki yang dipilih oleh Allah SWT untuk menerima wahyu daripada-Nya untuk dirinya sendiri

- 3 Pengertian Wahyu ialah _____.
 - A Ilmu Sihir
 - B disampaikan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul melalui malaikat Jibril
 - C ilmu yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW kepada para sahabat
 - D ilmu yang disampaikan oleh Nabi Ibrahim AS kepada Nabi Muhammad SAW

- 4 SAW adalah singkatan bagi sallallahu alaihi wassalam yang bermaksud _____.
 - A Allah SWT merahmati Nabi Muhammad SAW
 - B Allah SWT memuji umat Nabi Muhammad SAW
 - C Allah SWT dan para malaikat berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW
 - D Allah dan para malaikat memuliakan Nabi Muhammad dan umat-Nya

- 5 Mengapakah Nabi Muhammad SAW digelar Al-Amin?
- A Pemaaf dan pengampun.
 - B Bergaul dengan semua orang.
 - C Bersifat amanah dan dipercayai.
 - D Suka membantu golongan miskin.
- 6 Definisi ilmu menurut Imam Al-Ghazali ialah _____.
- A taufiq
 - B furqan
 - C cahaya
 - D hidayah
- 7 Maksud dakwah menurut Syeikh Yusuf Al-Qaradawi ialah _____.
- A mengajar ilmu
 - B berperang menentang musuh
 - C membuktikan kebaikan sesuatu kumpulan
 - D menyeru kepada yang makruf dan mencegah kepada yang mungkar
- 8 Hukum berdakwah dikalangan ahli ilmu dan ulama ialah _____.
- A sunat
 - B harus
 - C fardhu ain
 - D fardhu kifayah
- 9 Manakah **bukan** keistimewaan Dakwah Islamiah _____.
- A memperolehi harta yang banyak
 - B mempunyai perundangan syarak yang lengkap
 - C memberi keseimbangan keperluan rohani dan jasmani
 - D memberi kemudahan dan menghilangkan kesukaran

- 10 Hikmah ialah _____.
- A dialog
 - B perdebatan
 - C perbahasan
 - D ilmu yang baik
- 11 Mauizatul hasanah ialah _____.
- A perbahasan
 - B perdebatan
 - C ilmu yang baik
 - D nasihat yang baik
- 12 Mujadalah Al Husna ialah _____.
- A ilmu yang baik
 - B nasihat yang baik
 - C perkataan yang baik
 - D perdebatan yang baik
- 13 Hukum mengembangkan dakwah dikalangan kaum muslimin adalah _____.
- A wajib
 - B harus
 - C fardhu ain
 - B fardhu kifayah
- 14 Mengapakah Dakwah Islamiah pada peringkat awal di Makkah dilakukan secara rahsia?
- A Ajaran Islam masih belum lengkap.
 - B Bilangan umat Islam sudah ramai.
 - C Untuk mengelak diketahui oleh orang ramai.
 - D Tindakan itu adalah suatu strategi dalam penyebaran Islam.

- 15 Mengapakah orang arab Quraisy Makkah menentang ajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW kepada mereka?
- A Islam agama sihir.
 - B Ajaran islam menggugat perusahaan mengukir patung.
 - C Sikap dan peribadi Nabi SAW pentingkan diri sendiri.
 - D Islam mengamalkan prinsip keadilan dan perbezaan taraf hidup.
- 16 Apakah Strategi Dakwah Nabi Muhammad SAW dalam menyebarkan Islam setelah baginda menerima tentangan daripada orang Arab Quraisy Makkah?
- A Sekumpulan orang Islam berhijrah ke Taif.
 - B Baginda dan para sahabat berkumpul di Kaabah.
 - C Baginda meminta orang Islam berhijrah ke Makkah.
 - D Nabi Muhammad SAW dan sahabat berhijrah ke Habsyah.
- 17 Berikut merupakan adab – adab Al-Mujadalah Al-Husna **kecuali**
- A tidak merendahkan pihak yang diajak berbincang.
 - B matlamat perbincangan adalah untuk menyerlahkan perbincangan.
 - C tidak menjaga perasaan dan hati pihak lawan dan merendah-rendahkannya.
 - D memberi kemaafan dan berlemah-lembut sehingga pihak lawan tidak merasa tercabar.
- 18 Definisi non-Muslim ialah _____.
- A bukan beragama Islam
 - B orang yang bertaubat Nasuha
 - C Mukallaf yang melaksanakan rukun Islam
 - D sahabat Rasulullah SAW yang tinggal di Madinah
- 19 Berikut merupakan Kategori non-Muslim **kecuali**
- A Ahli Zimmi.
 - B Ahli Mu'ahidin.
 - C Ahli Muharibun.
 - D Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ)

serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk.

20 Dalil diatas merujuk kepada _____.

- A dakwah
- B berpuasa
- C peperangan
- D solat dan zakat

21 Berikut merupakan pendekatan dakwah kepada multi agama dan multi etnik **kecuali**

- A dialog
- B keadilan
- C toleransi
- D kekerasan

22 Metod dakwah Nabi Nuh AS ialah _____.

- A berdoa
- B berhijrah
- C seruan
- D seruan dan ikhlas beribadah

- 23 Metod Dakwah Nabi Hud AS ialah _____.
- A berhijrah
 - B berdialog
 - C berperang
 - D seruan, ingatan, kemukan dalil, mujadalah atau berdialog
- 24 Metod dakwah Nabi Saleh AS ialah _____.
- A berdialog dan berhijrah
 - B seruan, ingatan dan hijrah
 - C peperangan dan bukti-bukti alam
 - D bahasa lemah-lembut, bukti-bukti dan menyebut nikmat anugerah Allah SWT
- 25 Metod dakwah Nabi Ibrahim AS ialah _____.
- A berdialog dan berhijrah
 - B diskusi, berdialog dan berdebat
 - C peperangan dan bukti-bukti alam
 - D bahasa lemah-lembut, bukti-bukti dan menyebut nikmat anugerah Allah SWT
- 26 Berikut merupakan metodologi penyebaran Dakwah Islamiah di Mekah **kecuali**
- A dakwah secara sulit.
 - B dakwah kepada kaum kerabat.
 - C membunuh semua penduduk Mekah.
 - D dakwah secara terang-terangan kepada penduduk Mekah.
- 27 Berikut merupakan halangan Dakwah Islamiah di Mekah **kecuali**
- A mengancam Nabi Muhammad SAW.
 - B memprotes penyebaran dakwah Islamiah.
 - C Mekah hanya tempat pertanian semata-mata.
 - D Melemparkan tohmahan palsu kepada Nabi Muhammad SAW.

- 28 Berikut merupakan kejayaan Dakwah Islamiah di Madinah **kecuali**
- A pembinaan masjid
 - B pusat pentadbiran Islam di Mekah
 - C mempersaudarakan golongan Ansar dan Muhajirin
 - D mengadakan perjanjian dengan penduduk-penduduk Madinah
- 29 Berikut merupakan metod kejayaan penyebaran Dakwah Islamiah ke Madinah **kecuali**
- A dakwah melalui perkahwinan.
 - B dakwah melalui peperangan.
 - C dakwah melalui penghantaran surat dan utusan.
 - D dakwah kepada pemerintah dan orang yang dihormati.
- 30 Berikut merupakan faktor-faktor pemelukan Islam oleh orang Asli di Malaysia **kecuali**
- A kebenaran agama Islam
 - B pergaulan dan persahabatan
 - C persekitaran dan tempat tinggal
 - D peperangan dan penghijrahan ke negara lain
- 31 Keutamaan dakwah prinsip mengubah secara berperingkat ialah _____
- A sebagai strategi peperangan
 - B menyegerakan perkara baik
 - C seruan dakwah dapat dilaksanakan dengan sempurna
 - D menggalakan budaya membaca dikalangan umat Islam
- 32 Keutamaan dalam dakwah Islamiah ialah _____
- A taksib kepada guru
 - B undang-undang yang ketat
 - C tertumpu pada satu pandangan sahaja
 - D keringan dan kelongaran diutamakan dari sikap riqid yang ketat

33 Manakah bukan keistimewaan dakwah Islamiah _____

- A memperoleh harta yang banyak
- B mempunyai perundangan syarak yang lengkap
- C memberi keseimbangan keperluan rohani dan jasmani
- D memberi kemudahan dan menghilangkan kesukaran

34 Qudwah hasanah ialah _____.

- A sombong
- B hasad dengki
- C amalan terpuji
- D amalan mazmumah

35 Dakwah bil lisan ialah _____

- A tulisan yang baik
- B tingkahlaku yang baik
- C pemikiran yang baik
- D perkataan dan nasihat yang baik

36 Mengapakah Nabi Muhammad SAW Digelar Al-Amin _____.

- A pemaaf dan pengampun
- B bergaul dengan semua Orang
- C bersifat amanah dan dipercayai
- D suka membantu golongan miskin

37 Contoh Jihad Al-Akbar (Jihad Besar) ialah _____.

- A melawan hawa nafsu
- B menjaga harta benda
- C mempertahankan diri sendiri
- D mempertahankan Agama Islam

- 38 Definisi Mawdhu' dakwah ialah _____.
- A tajuk dakwah
 - B sasaran dakwah
 - C cara-cara berdakwah
 - D cabaran-cabaran pendakwah
- 39 Berikut adalah tajuk dakwah kecuali _____.
- A Akhlak.
 - B Akidah.
 - C Syariah.
 - D Memerangi Islam.
- 40 Definisi pendakwah ialah _____.
- A menyeru manusia kepada Allah
 - B menyeru manusia kepada kemungkaran
 - C menyeru manusia melakukan perbalahan
 - D menyeru manusia mendustakan al-quran dan sunnah
- 41 persiapan para daie yang paling utama ialah _____.
- A ikhlas
 - B harta
 - C Pengaruh
 - D Kuasa politik
- 42 Sifat yang perlu ada pada seorang da'i ialah _____.
- A putus asa
 - B lemah usaha
 - C merasa diri lebih baik
 - D Menyandarkan harapan pada Allah SWT